

29 JUL 2001

Mahathir-Budi/

TUMPUKAN PENDIDIKAN BALAS BUDI MASYARAKAT, KATA MAHATHIR

SEREMBAN, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan golongan pelajar yang mendapat bantuan daripada pelbagai tabung sumbangan orang ramai supaya menumpukan sepenuhnya perhatian kepada pendidikan sebagai satu cara membalas budi.

Perdana Menteri berkata sikap membalas budi adalah budaya orang Melayu dan ia harus diteruskan.

"Saya percaya budaya ini akan dikekalkan sebagai budaya bangsa kita supaya kita menjadi bangsa yang lebih bertamadun dan mencapai kejayaan," katanya semasa melancarkan Tabung Kebajikan Pelajar Kolej Tunku Kurshiah 2001 di sini, malam ini.

Dr Mahathir yakin pelajar terbabit akan menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka sebagai tanda menghargai budi masyarakat dan pihak yang telah membantu mereka.

Katanya, setiap kali tabung untuk mengutip derma diadakan, ramai rakyat Malaysia dan pihak korporat tampil menderma dan perkara itu menunjukkan sikap penyayang di kalangan rakyat.

"Ini adalah naluri rakyat Malaysia ... mereka bersedia berkongsi nikmat yang diperolehi dan sentiasa mengambil berat nasib anggota masyarakat yang tidak begitu baik.

"Dalam masa yang sama, pihak korporat bersedia menghulur derma dan mereka sedar kekayaan dan kejayaan yang mereka nikmati kerana negara kita aman, tidak huru-hara dan tidak mengganggu perusahaaan mereka," katanya.

Dr Mahathir turut menasihati para pelajar supaya pemikiran mereka tidak dipengaruhi oleh segolongan kecil pelajar yang cuba mengganggu pemikiran mereka.

"Mereka (pelajar) tidak begitu minat untuk belajar, adalah masalah mereka sebenarnya, yang malangnya, kadang-kadang mereka mengganggu penuntut-penuntut lain yang ingin belajar dan mereka mengganggu dengan mengusik fikiran mereka sehingga mereka tidak dapat tumpu kepada pelajaran.

"Kita tahu pelajaran adalah sesuatu yang memerlukan ketenangan fikiran, ketenangan keadaan di sekeliling sebelum kita dapat menerap pelajaran. Dalam keadaan bising dan dengan hati yang berdebar-debar yang dipengaruhi dengan fikiran yang merunsing, kita tidak boleh belajar," katanya.

Katanya kalau ada mana-mana pihak yang sengaja mengusik fikiran dengan perkara-perkara yang menyebabkan kita tidak boleh menumpukan kepada pelajaran, kita mungkin akan terbawa-bawa untuk melibatkan diri dengan kegiatan lain daripada pelajaran, maka sudah tentulah prestasi kita tidak menjadi begitu baik.

Perdana Menteri turut melahirkan perasaan dukacitanya kerana masih ramai rakyat miskin yang berpendapatan di bawah RM500 sebulan dan keadaan kemiskinan itu menghalang ibu bapa untuk memberikan peluang pendidikan yang baik kepada anak mereka.

"Mereka (ibu bapa) sedar pelajaran boleh menolong anak mereka supaya tidak bernasib buruk seperti mereka. Namun demikian, mereka dapati keupayaan mereka agak terhad dan dengan itu mereka terpaksa bergantung kepada sumbangan daripada pihak lain.

Kerajaan memang sedar akan pentingnya pendidikan dalam meningkatkan pendapatan rakyat dan oleh sebab itu kerajaan sanggup dan rela untuk mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk pendidikan anak-anak kita terutama mereka yang tidak berkeupayaan.

"Berbilion ringgit dibelanjakan oleh kerajaan supaya semua daripada

anak-anak kita yang layak akan mendapat tempat sehingga peringkat universiti. Walaupun kerajaan mengeluarkan belanja yang banyak, masih juga ada anak-anak kita yang tidak dapat menampung sara hidup kerana mereka mendapat bantuan yang agak kecil daripada keluarga mereka.

"Sebab itulah kita perlu mengadakan pelbagai tabung supaya dengan tabung ini dapat kita beri bantuan lagi kepada mereka yang sudah pun dibantu oleh kerajaan sebagai bantuan tambahan kepada bantuan (kerajaan) ini," katanya.

Dr Mahathir percaya bantuan seperti itu tidak akan dipersia-siakan oleh pelajar untuk belajar dengan lebih kuat lagi supaya hasrat ibu bapa, masyarakat dan kerajaan akan tercapai.

Beliau turut menasihati pelajar supaya apabila mereka telah berjaya dan berpendapatan tinggi, mereka juga dapat berbakti dan menghulurkan bantuan kepada pelajar lain yang memerlukan bantuan.

Perdana Menteri juga menegaskan perlunya rakyat mengekalkan keamanan kerana dalam keadaan aman banyak perkara boleh dilakukan seperti berniaga dan juga menuntut ilmu.

"Kalau kita diganggu-gugat, kalau ada sesiapa yang mengusik kita, maka sudah tentu kita tidak boleh menumpukan kepada penguasaan ilmu dan pelajaran yang lain.

"Kalaulah rakyat negara kita ini tidak berilmu, mundur, tidak cekap maka mustahil kita akan mencapai kemajuan. Mungkin ada yang berkata bahawa kemajuan di dunia ini tidak begitu penting tetapi sebenarnya jika kita tidak maju di dunia, kita juga tidak dapat menumpukan kepada akhirat," katanya.

Katanya lagi kemajuan di dunia juga perlu sebelum kita mengejar tempat di akhirat dan oleh itu kita mesti berusaha menentukan kehidupan kita akan bertambah baik melalui penguasaan ilmu yang akan menyumbang kepada kerja dan pendapatan yang lebih baik.

"Bila kita tidak dapat kemajuan banyaklah masalah yang kita akan hadapi dan ini akan menjadikan negara kita ini sebuah negara yang mundur. Generasi yang dewasa saya fikir sedar tentang perkara ini tetapi kita dapati kadang-kadang ada di antara generasi lebih muda tidak begitu sedar tentang betapa pentingnya tumpuan diberi kepada penguasaan ilmu pengetahuan," katanya.

Katanya lagi, kita juga perlu bersaing sesama kita yang meliputi pelbagai kaum sebelum kita bersaing dengan bangsa dan negara lain.

"Kalau satu kaum ketinggalan berbanding dengan kaum yang lain, maka agak sukar bagi kita menjalin hubungan yang baik antara kita. Kalau ada kaum yang terlalu maju dan ada kaum yang terlalu mundur, maka yang mundur tetap berapa iri hati kepada yang maju.

"Ini juga akan menyebabkan masyarakat kita tidak menjadi stabil. Sebab itu kita perlu tentukan supaya kaum-kaum di Malaysia dibangunkan supaya tidak ada terlalu banyak berbeza antara mereka terutama perbezaan daripada segi kejayaan semasa kehidupan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata ilmu pengetahuan juga membolehkan kita meningkatkan keupayaan kaum yang ketinggalan tetapi itu semua bergantung kepada usaha kita.

"Kita (kerajaan) boleh mengadakan sekolah, tadika, universiti, institusi pelajaran dalam bidang-bidang tertentu, semua ini kita boleh ada bekalkan dengan segala kemudahan, alatan yang canggih termasuk juga alatan seperti komputer dan sebagainya tetapi kalau kita tidak ingin belajar maka bekalan ini tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada kita.

"Orang Inggeris mempunyai satu perpatah yang amat tepat sekali bagi kita mengingatkannya. Mereka berkata "Anda boleh bawa kuda ke air, tetapi anda tidak boleh membuatnya minum."

Pada majlis itu kolej tersebut menerima sumbangan sebanyak RM444,000

daripada pelbagai syarikat korporat.

--BERNAMA

APG RP RI